

# **KUTKM tambah 8 lagi program ijazah pertama**

**Archival News | Berita Harian | 08/02/2003**

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menawarkan lapan lagi program ijazah sarjana muda bagi Sesi Akademik Mei 2003/2004.

Rektornya, Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab Ghani, berkata masing-masing dua kursus ditawarkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE).

Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) serta Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) pula, masing-masing menawarkan satu kursus.

Beliau berkata, program yang ditawarkan di bawah FKM ialah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Reka bentuk & Inovasi) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif).

Di bawah FKEKK pula, program yang ditawarkan ialah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi).

Kursus baru di bawah FKE ialah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa & Pemacu) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi & Automasi).

"Kursus baru ini adalah tambahan kepada sembilan kursus ijazah sarjana muda dan lima diploma yang ditawarkan KUTKM sebelum ini," katanya di Melaka, semalam.

Dr Mohd Ruddin berkata, untuk FKP, kursus yang ditawarkan ialah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Reka bentuk & Pembuatan) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik & Automasi).

Sementara FTMK menawarkan Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Pangkalan Data).

Beliau menjelaskan, tempoh pengajian untuk semua kursus adalah empat tahun, kecuali program kelolaan FTMK membabitkan tiga setengah tahun.

Bagaimanapun, katanya, untuk semua kursus diploma yang ditawarkan sekarang, tempoh pengajiannya adalah sama, iaitu tiga tahun.

(END) Source : Berita Harian